

PM lancar pakej lebuh raya Pan Borneo

UM - 5/11/2021 m/s: 3

KOTA KINABALU: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengadakan lawatan kerja ke Sabah hari ini dan dijadual melancarkan empat pakej Projek Lebuh Raya Pan Borneo di Dataran Tamu Pekan Kota Kinabatangan pada Sabtu ini.

Perdana Menteri dijangka tiba pada sebelah petang dan akan memulakan lawatannya ke Sandakan serta Kinabatangan.

Ini adalah lawatan pertama Ismail Sabri ke Sandakan dan Kinabatangan serta lawatan kedua ke Sabah selepas dilantik sebagai Perdana Menteri kesembilan pada Ogos lalu.

Projek Lebuh Raya Pan Borneo membabitkan empat pakej kerja bagi laluan Kinabatangan hingga ke Telupid sepanjang 706 kilometer.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Bung Moktar Radin berkata, lantikan kontraktor bagi empat pakej kerja tersebut baharu sahaja dimuktamadkan.

“Keempat-empat pakej kerja itu akan dilaksanakan serentak dan laluan tersebut dijangka



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob dijadual merasmikan empat pakej Projek Lebuh Raya Pan Borneo di Dataran Tamu Pekan Kota Kinabatangan pada Sabtu ini.

siap pada 2024.

“Empat pakej ini adalah antara pakej baharu projek lebuh raya Pan Borneo Sabah. Satu lagi pakej baharu ialah laluan antara Serusup, Tuaran ke Pituru, Kota Belud yang dijangka dimulakan tahun depan menggunakan peruntukan

dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12),” kata beliau dalam kenyataan semalam.

Bung Moktar yang juga Ahli Parlimen Kinabatangan berkata, pelaksanaan empat pakej di laluan Kinabatangan-Telupid bakal menyelesaikan masalah kerosakan jalan sedia ada dan

menimbulkan rungutan penduduk.

“Projek ini akan menyelesaikan isu kerosakan yang kerap berlaku di jalan utama di Batu 32 Sandakan menghala ke Telupid dan dari Batu 32 Sandakan menghala ke Kinabatangan,” kata beliau.